

# ISU PENASABAN ANAK LUAR NIKAH KEPADA BAPA BIOLOGI DARI SUDUT PANDANG SIASAH SYAR'IYYAH DI MALAYSIA

Lukman Abdul Mutalib

Professor Madya, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia.

Mohamad Azhan Yahya

Pensyarah, Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia.

## Abstrak

*Gejala kelahiran anak luar nikah adalah satu fenomena yang amat membimbangkan dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia dewasa ini. Mengikut perangkaan dari Jabatan Pendaftaran Negara bagi tahun 2015 sahaja, secara puratanya seramai 142 bayi luar nikah dilahirkan dalam sehari oleh ibu yang beragama Islam atau setiap seorang sepuluh minit. Statistik ini menggambarkan masa depan negara berada dalam keadaan amat tidak selesa. Umumnya, generasi yang dilahirkan tanpa bapa tidak mampu menyumbang kepada pembangunan modal insan negara yang berkualiti. Ada banyak punca kenapa gejala ini berlaku sebagaimana banyak juga penyelesaian yang boleh di ambil untuk mengatasinya. Kertas ini cuba mengetengahkan salah satu remedy yang boleh di pertimbangkan iaitu memfokuskan kepada kebaikan anak. Anak adalah mangsa dalam isu ini. Mereka sama sekali tidak wajar dihukum atas kesalahan orang lain. Justeru, kertas ini bertujuan mengupas isu anak luar nikah untuk di'bin'kan kepada bapa biologinya. Secara umum ada tiga pandangan ulama berkaitan perkara ini. Pandangan ini akan dikupas dan diulas dari sudut pandang siasah syar'iyyah untuk melihat penyelesaian yang paling wajar diambil kira.*

**Kata kunci:** Penasaban anak, anak luar nikah, anak zina, anak tidak berdaftar

## 1. Pendahuluan

Siasah Syar'iyyah adalah ungkapan yang biasa kita sebut dan dengar kebelakangan ini. Namun tidak semua yang menyebut dan mendengarnya memahami konsep dan definisinya secara tepat. Ada yang memahami ia sebagai satu sistem politik Islam secara umum, malah ada juga yang mengandaikannya secara lebih khusus kepada cara pengurusan politik negara yang berbilang-bilang parti dan sebagainya. Tidak di nafikan semua itu adalah sebahagian daripada siasah namun bukanlah dalam konteks yang tepat sebagaimana yang dikehendaki. Siasah sebagaimana yang ditakrifkan oleh Abdul 'Al Ahmad Uthwah ia suatu ilmu atau seni dalam mengurus tadbir negara sesuai dengan kehendak syarak dan hukum hakam Islam. Ia bukan sahaja melibatkan pelaksanaan malah juga pembentukan polisi dan sebagainya. Dalam konteks tersebut, menjadi satu kepentingan utama kepada para cendekiawan Islam khususnya yang berkecimpung dalam bidang siasah syar'iyyah untuk memikirkan satu polisi bagaimana gejala kebanjiran anak luar nikah dapat dikawal dan di bendung bagi menjaga struktur masyarakat Islam agar tidak goyah dan rapuh seperti yang telah berlaku dalam masyarakat barat.

## 2. Gejala anak luar nikah di Malaysia

Anak luar nikah atau dalam bahasa yang lebih manis di sebut dalam masyarakat kita di Malaysia sebagai anak tak sah taraf adalah satu fenomena baru yang mengancam struktur sosial khususnya bagi masyarakat Islam di negara ini. Tanpa kita sedari statistik kelahiran anak tak sah taraf ini adalah sangat tinggi dan tidak terduga sama sekali.

Menurut rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) mendedahkan 159,725 kelahiran anak luar nikah atau tak sah taraf di daftarkan di seluruh negara bagi tempoh 3 tahun bermula 2013-

2015. Pada tahun 2015 sahaja JPN merekodkan sebanyak 51,169 jumlah pendaftaran. Ini menunjukkan bahawa purata setiap sepuluh minit seorang anak luar nikah atau tak sah taraf di lahirkan di Malaysia<sup>1</sup>. Keadaan ini sangat mengaibkan bagi sebuah negara Islam seperti Malaysia.

Apa yang lebih meruncing dan dikhuatiri ialah berkaitan generasi masa hadapan. Apakah bentuk kepemimpinan dan masyarakat yang ingin di lahirkan oleh kita. Pembentukan sesebuah masyarakat tidak berlaku dalam masa sehari semalam. Sebaliknya ia perlu dibentuk dalam masa yang lama. Seperti pepatah Arab menyebut *العلم في الصغر كالنقش على الحجر* yang bermaksud, mengajar di waktu kecil seperti mengukir di atas batu atau pepatah Melayu menyebut ‘melentur buluh biar dari rebungnya’. Hakikatnya pemimpin hari ini adalah anak-anak yang telah dibentuk 50 tahun yang lalu dan tidak salah jika saya katakan kepemimpinan 50 tahun akan datang adalah gambaran anak-anak yang di bentuk pada hari ini.

### 3. Konsep dan skop siasah syar’iyyah

Siasah syar’iyyah terdiri dari dua perkataan yang bergabung, iaitu perkataan siasah dan syar’iyyah. Perkataan siasah dari sudut etimologi berasal dari kata dasar ساس، يسوسن سياسة yang bermaksud mengurus, memimpin dan mentadbir<sup>2</sup> manakala syar’iyyah pula ialah suatu yang mengikut peraturan dan hukum syarak. Justeru, secara mudah perkataan siasah syar’iyyah boleh di fahami dengan maksud ‘kaedah urus tadbir yang mematuhi prinsip-prinsip syarak’.

Dari aspek terminologi pula, terdapat beberapa pandangan di kalangan ulama. Walaupun pandangan ini ada sedikit berbeza antara satu sama lain tetapi perbezaan ini bukanlah kerana mereka berbeza dalam memahami sifat ilmu itu sendiri, sebaliknya berbeza dalam bentuk bagaimana ilmu itu perlu disampaikan kepada masyarakat.

Al-‘Allamah ‘Alauddin al- Tarabulsi al-Hanafi (-844H) mendefinisikan siasah syar’iyyah sebagai pemberatan hukuman (شرع مغاظ)<sup>3</sup>. Apa yang dimaksud oleh beliau ialah pemberatan hukuman yang di buat oleh pemerintah bertujuan untuk mencegah dan menakutkan seseorang dari menghampiri jenayah tersebut. pemberatan ini berlaku apabila ada maslahat untuk berbuat demikian.<sup>4</sup>

Ada juga sebahagian ulama yang mendefinisikan siasah syar’iyyah sebagai takzir seperti yang di buat oleh Ibn ‘Abidin.<sup>5</sup> Seperti yang di maklumi, hukuman takzir boleh dikenakan kepada seseorang kerana kemaslahatan bukan kerana perlakuan maksiat yang telah dilakukannya seperti apa yang di kenakan kepada Nasir b. Hajjaj<sup>6</sup>.

<sup>1</sup> Berita Harian 13 Sept. 2016

<sup>2</sup> Kamus Besar Dewan: Arab Melayu DBP Kuala Lumpur.

<sup>3</sup> Al-Tarabulsy. Abu al-Hasan ‘Alauddin. (t.t) Mu’in al-Hukkam Fi Ma Yataraddad Bayn al-Khasmayn Min al-Ahkam. (t. Tpt) hal. 169

<sup>4</sup> Kes pemalsuan cap mohor khalifah. Sayidina Umar telah menghukum pesalah dengan 300 sebatan selama 3 hari (sehari seratus. Ruj. Abd. Al-‘Al Ahmad ‘Utwah. (1993) Al-Madkhil Ila al-suyasah al-Syar’iyyah, Riyadh: Jamiat Muhammad ib Sa’ud al-Islamiyyah. Hal.24.

<sup>5</sup> Ibid. Hal. 30

<sup>6</sup> Sayidina Umar telah menghukum buang daerah kepada Nasir b. Hajjaj dari kota Madinah kerana kerana ketampanannya menggugat akhlak wanita di Madinah. Ibid. Hal. 31.

Manakala Ibn ‘Uqail al-Hanbaly mendefinisikan siasah syar’iyyah sebagai satu perbuatan yang membawa kemaslahatan kepada manusia sekalipun perkara itu tidak di terangkan oleh Rasulullah S.A.W. dan tidak ada wahyu yang menyatakannya.<sup>7</sup>

Berdasarkan kepada dua definisi awal di atas kita dapat iaitu berkisar kepada skop ‘*uqbah* atau hukuman. Ini menggambarkan kecenderungan ulama pada masa itu di mana penggunaan siasah syar’iyyah banyak digunakan dalam skop ini. Tidak keterlaluan jika dikatakan pada masa itu kepentingan menjaga keamanan dan struktur masyarakat amat di beri perhatian berbanding skop lain. Sesudah itu barulah wujud perbahasan ulama mengenai konsep siasah syar’iyyah dalam sifat yang lebih menyeluruh seperti imam Ibn Taimiyyah dalam kitabnya *al-Siyasah al-Syar’iyyah Fi Islah Hal al-Ra’iy wa al-Ra’iyyah* dan muridnya Ibn al-Qayyim al-Jawzy dalam kitabnya *al-Turuq al-Hukmiyyah Fi al-Siyasah al-Syar’iyyah*.

Berdasarkan kepada definisi yang di bentangkan oleh Ibn ‘Uqail, siasah syar’iyyah ialah suatu perbuatan atau arahan daripada pemerintah kepada rakyatnya yang bertitik tolak daripada kemaslahatan yang dilihat oleh beliau sendiri sebagai pemerintah. Dalam konteks ini kemaslahatan itu tidak boleh bercanggah dengan nas yang sabit dan tidak berubah hukumnya dalam apa keadaan sekalipun.

Oleh yang demikian, skop atau bidang siasah syar’iyyah boleh dibahagikan kepada 3 bahagian seperti berikut:

- i. Perkara yang tidak ada nas yang menyebut hukumnya seperti isu pembukuan al-Quran dan bayi tabung uji.
- ii. Perkara yang ada nas, namun nas itu tidak bermaksud memberi hukum yang tetap secara literal sebaliknya perlu di fahami dalam konteksnya yang sesuai seperti nas yang datang untuk meraikan uruf semasa. Sebagai contoh sabda Rasulullah S.A.W. الير بالير كيلا بكييل (gandum dan gandum hendaklah sama sukatannya). Pada zaman itu alat yang digunakan untuk mengukur kuantiti gandum ialah cupak atau gantang, maka nas hadis datang dalam bentuk كيلا iaitu sukatana. Berbeza dengan hari ini kita tidak lagi menggunakan sistem cupak dan gantang sebaliknya menggunakan kilogram atau kati. Perubahan dari cupak dan gantang kepada kilogram atau kati bukanlah mencanggahi nas kerana lafaz كيلا atau sukatana ini tidak memberi hukum yang sabit sebaliknya datang untuk meraikan uruf yang wujud ketika itu. Jika uruf berubah maka alat tersebut juga boleh berubah. Yang tak boleh berubah ialah sifat sama banyak yang perlu dijaga (كيلا بكييل).
- iii. Untuk memilih satu pandangan daripada beberapa pandangan yang berbeza dalam kalangan ulama. Dalam konteks ini imam Hasan al-Banna menyebut dalam asas ke-5 dari kitab Usul al-‘Isyrin: “Pandangan imam (pemerintah) atau wakilnya dalam perkara yang tidak ada nas, atau perkara yang mempunyai pelbagai pandangan dan juga dalam masalah al-mursalah adalah diterima pakai selama mana tidak bertentangan dengan hukum syarak. Kadang kala sesuatu hukum boleh berubah dengan perubahan *zurf*, *urf* dan adat. Kaedah fikih menyebut “asal dalam perkara ibadat ialah tunduk dan patuh tanpa melihat kepada rahsia sesuatu hukum, sebaliknya asal dalam perkara muamalat ialah melihat kepada hikmah dan juga maqasid hukum”. Contoh dalam perkara ini ialah proses menentukan dasar negara.

<sup>7</sup>

Ibn Qayyim al-Jawzy. (t.t) *al-Turuq al-Hukmiyyah*. Maktabah Dar al-Bayan.hal. 12.

Isu penasaban anak luar nikah kepada bapa biologi adalah termasuk dalam kategori ke tiga di atas di mana wujud kepelbagaian pendapat dalam kalangan ulama.

#### 4. Penasaban anak dalam Islam

Penentuan nasab adalah suatu yang bersifat *tawqifi* dalam syariat Islam, sama seperti perkara-perkara ibadat yang lain. Ini bermaksud ia adalah ketentuan syarak dan bukan pilihan manusia. Allah SWT melarang campur tangan akal pandangan manusia bagi mengelak hala tuju sistem ini dipengaruhi hawa nafsu. Justeru itu Allah SWT telah menurunkan hukum-hakam yang lengkap dan terperinci berkaitan persoalan ini sama ada melalui al-Quran dan hadis nabi SAW.

Sebagai contoh, Allah SWT membatalkan kaedah penasaban yang berlaku secara adat di zaman Jahiliah melalui sistem “*tabanniyy*” iaitu dengan mem“bin/binti”kan anak angkat sebagai anak sendiri. Firman Allah SWT:

وَمَا حَعَلَ أَدْعِيَاءُكُمْ أَبْنَاءُكُمْ ذَلِكُمْ بِأَفْوَاهِكُمْ وَاللَّهُ يَقُولُ الْحَقُّ وَهُوَ يَهْدِي السَّبِيلَ

Maksudnya, “Allah SWT tidak menjadikan anak-anak yang kamu dakwa sebagai anak kandung itu (anak angkat) sebagai anak-anak kamu sendiri. Segala yang kamu dakwakan mengenai mereka hanyalah perkataan kamu dengan mulut kamu sahaja. Ingatlah Allah SWT menerangkan yang benar dan dia adalah juga yang memimpin ke jalan yang betul” (al-Quran. Al-Ahzab: 4)

Hakikatnya Islam tidak menegah seseorang berbuat baik kepada anak angkat atau anak yatim yang dipeliharanya. Malah ia merupakan antara kebijakan yang sangat besar ganjarannya di sisi Allah SWT. Apa yang agama kehendaki, hanyalah memelihara keaslian nasab anak-anak tersebut.

Sebagaimana Islam mengharamkan “*tabanniyy*”, Islam juga melarang seseorang menafikan nasab keturunannya sendiri. Ini menunjukkan persoalan nasab bukan pilihan sendiri sebaliknya pilihan Allah SWT melalui sistem yang diciptakannya untuk manusia. Sabda Rasulullah SAW:

وَإِنَّمَا رَجُلٌ جَحَدَ وَلَدَهُ وَهُوَ يَنْتَرُ إِلَيْهِ اخْتَحَبَ اللَّهُ مِنْهُ وَفَضَّحَهُ بِهِ عَلَى رُؤُوسِ الْحَلَاقِ بَيْنَ الْأَوَّلِينَ وَالآخِرِينَ (هذا)  
 الحديث صحيح على شرط مسلم و لم يخرجاه<sup>8</sup>

Maksudnya, “Mana-mana lelaki yang menafikan nasab keturunan anaknya sedangkan dia melihat dengan jelas sabitan nasab anak tersebut, Allah SWT tidak akan melihatnya bahkan akan berhijab daripadanya pada hari kiamat. Dan Allah SWT akan malukan dia di hadapan seluruh makhluk sejak mula mereka diciptakan sehingga galah yang terakhir” (Hadis. )

<sup>8</sup> Al-Naysabury. Muhammad b Abdullah Abu Abdullah al-Hakim (1990) Mustadrak Ala al-Sahihayn. Jil2. Hlm. 220. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah

Justeru itu menafikan nasab adalah dosa besar kerana ia telah menafikan hak anak untuk memiliki ayah dan mendapat nasab keturunan yang sempurna di samping perbuatan itu juga merupakan satu tuduhan zina secara *ta'ridh* terhadap ibu anak tersebut.

Sebagaimana dalam isu menafikan, Islam juga melarang seseorang mendakwa atau menasabkan dirinya kepada orang lain selain bapanya yang sebenar. Sabda Rasulullah SAW:

من ادعى إلى غير أبيه وهو يعلم أنه غير أبيه فاجتنبه عليه حرام<sup>9</sup>

Maksudnya, “Sesiapa yang mendakwa atau menasabkan dirinya kepada seseorang yang bukan bapanya sedangkan dia mengetahui perkara tersebut maka syurga adalah haram ke atasnya” (Hadis.).

Berdasarkan kepada keterangan daripada ayat al-Quran dan hadis-hadis Rasulullah SAW di atas, jelaslah bahawa persoalan nasab merupakan persoalan yang sangat penting. Ia merupakan persoalan pokok yang mana banyak hukum hakam lain berpijak di atasnya. Antara yang berkaitan dengan persoalan nasab ialah aurat, komunikasi, pergaulan, perwalian dan pewarisan. Justeru, tajuk yang sedang dibincangkan ini hakikatnya tidak terhenti sekadar persoalan membin/bintikan anak tak sah taraf semata-mata tetapi juga melibatkan hak-hak lain yang sebahagiannya merupakan asas pegangan dalam beragama.

Terdapat beberapa kaedah penasaban yang di gariskan oleh ulama, antaranya:

1. Perkahwinan: iaitu melalui sabda Rasulullah S.A.W. **الولد للفراس وللعاهر الحجر** yang bermaksud: anak itu dinasabkan kepada lelaki yang mempunyai *al-firasy* (perkahwinan) manakala lelaki yang berzina di tegah dari penasaban.<sup>10</sup> Sabitan melalui firasy tidak perlu kepada iqrar atau bayyinah. Sabitan melalui firasy hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:
  - a. Suami mampu menghamilkan isteri.
  - b. Isteri boleh/munasabah untuk hamil dan melahirkan anak.
  - c. Munasabah berlaku persetubuhan pada adat antara pasangan tersebut (jumhur kecuali hanafi hanya mensyaratkan wujudnya perkahwinan)
  - d. Tempoh kelahiran hendaklah sekurang-kurangnya 6 bulan 1 lahzah dari umur perkahwinan atau tidak lebih dari 4 tahun (*syafi'i'e*)
  - e. Suami tidak menafikan anak itu dengan cara li'an.
2. Iqrar atau pengakuan bahawa seseorang itu adalah dari nasabnya. Sebagai contoh seorang lelaki mengaku bahawa itu adalah anaknya. Dengan pengakuan tersebut akan sabit kepada lelaki itu semua tanggungjawab syarak seperti nafkah, pewarisan, perwalian dan lain-lain. Syarat-syarat iqrar telah dibincangkan dengan panjang lebar oleh ulama dan tidak perlu disebut di sini.
3. Bayyinah atau kesaksian. Maksud bayyinah di sini ialah syahadah iaitu saksi. Sesuatu perkahwinan boleh di sabitkan melalui penyaksian dua orang lelaki yang adil (mengikut ikhtilaf ulama). Malah kesaksian juga boleh berlaku secara *tasamuh* iaitu dengan wujudnya majlis kenduri atau seumpamanya.
4. Qiyyafah. Ia adalah satu proses mensabitkan nasab dengan cara melihat persamaan fizikal yang wujud antara dua orang. Dalil sabitan nasab berdasarkan qiyyafah diambil

<sup>9</sup> Muhammad b Futuh al-Humaydi (2002) *al-Jam'u Bayn al-Sahihayn al-Bukhary wa Muslim*. jil. 1 hlm 101. Beirut: Dar Ibn Hazm..

<sup>10</sup> Al-Bukhary, Muhammad b Ismail Abdullah (1422H) *Sahih al-Bukhary*. Dar al\_tuq al-Najah. Jil.8. hal.153

dari kisah masyhur riwayat Bukhary tentang pandangan al-Qaif (Mujazzizal Mudlajy) tentang sabitan nasab antara Usamah b Zaid dan bapanya Zaid b Thabit.

5. Qur'ah. Ia adalah undian. Penasaban anak secara undian adalah berdasarkan taqrir Rasulullah S.A.W. terhadap pandangan sayidina Ali dalam menyelesaikan pertikaian anak secara undian<sup>11</sup>.
6. Istifadah. Iaitu menasabkan seorang anak kepada seorang lelaki atau qabilah tanpa sanggahan dari mana-mana pihak dan tidak juga menimbulkan keraguan. Hakikatnya istifadah adalah termasuk dalam kategori penyaksian (syahadah), iaitu kaitan nasab tersebut di saksikan oleh sejumlah yang ramai orang sehingga mustahil mereka berbohong. Amalan istifadah ini bersumberkan taqrir nabi terhadap amalan para sahabat yang menasabkan anak-anak kepada kabilah atau nenek moyang mereka tanpa saksi.<sup>12</sup>
7. Istilhaq. Merupakan salah satu kaedah sabitan nasab pada zaman jahiliah dan tidak di nafikan oleh Islam. Namun kaedah istilhaq hanya berlaku dalam konteks kabilah iaitu memasukkan seseorang dalam nasab sesuatu kabilah.

Berdasarkan pandangan ulama di atas di dapatkan ada banyak cara atau kaedah sabitan nasab, ada di antaranya sangat mudah. Ini menunjukkan bahawa syariat sangat mementingkan kebijakan anak. Islam ingin memastikan nasib anak itu terbela oleh sistem dan undang-undang itu sendiri sebelum pergi lebih jauh melihat kepada sifat kemanusiaan setiap individu.

## 5. Kedudukan bapa biologi dalam konteks hukum fikah

Ayah dan ibu adalah dua orang yang turut sama melahirkan anak. Tanpa mereka seorang anak tidak akan wujud di muka bumi ini. Ini kerana manusia dilahirkan hasil daripada percantuman benih lelaki dan perempuan. Firman Allah SWT :

وَلَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ مِنْ سُلَالَةٍ مِّنْ طِينٍ ثُمَّ جَعَلْنَاهُ نُطْفَةً فِي قَرَارٍ مَكِينٍ ثُمَّ خَلَقْنَا النُّطْفَةَ عَلَقَةً فَخَلَقْنَا الْعَلَقَةَ مُضْعَةً فَخَلَقْنَا الْمُضْعَةَ عِظَامًا فَكَسَوْنَا الْعِظَامَ حَمَّا ثُمَّ أَنْشَأْنَاهُ خَلْقًا آخَرَ فَتَبَارَكَ اللَّهُ أَحْسَنُ الْخَالِقِينَ

Maksudnya, “Sesungguhnya kami telah menciptakan manusia daripada sari pati tanah (nabi Adam AS). Kemudian kami jadikan pati itu air mani pada tempat yang kukuh (rahim ibu). Kemudian Kami ciptakan air benih itu menjadi sebuku darah beku. lalu Kami ciptakan darah beku itu menjadi seketul daging; kemudian Kami ciptakan daging itu menjadi beberapa tulang; kemudian Kami balut tulang-tulang itu dengan daging. Setelah sempurna kejadian itu Kami bentuk dia menjadi makhluk yang lain sifat keadaannya. Maka nyatakanlah kelebihan dan ketinggian Allah sebaik-baik Pencipta” (al-Quran. Al-Mu’minun: 12-14).

Tidak ada manusia yang dilahirkan ke dunia tanpa percantuman benih antara lelaki dan perempuan kecuali tiga orang iaitu nabi Adam AS yang diciptakan daripada tanah, Hawa wanita pertama dicipta oleh Allah SWT dan dijadikan daripada rusuk kiri nabi Adam AS dan nabi Isa AS yang diciptakan tanpa ayah. Selain daripada ketiga-tiga manusia terpilih ini, kesemuanya lahir melalui proses tabie sebagaimana yang dijelaskan oleh ayat di atas. Justeru itu, bapa dalam konteks perbincangan ini terbahagi kepada dua kategori:

<sup>11</sup> Abu Daud. Sulaiman b Ays'as ( t.t) Sunan Abi Daud. Beirut: Maktabah al-'Asriyyah. Jil.2. hal. 281.

<sup>12</sup> Mustafa al-Khind et all. (2000) al-Fiqh al-Manhajy. Beirut: Dar al-Syamiah. Jil.2, hal. 203.

- i. Bapa biologi: iaitu percantuman benih lelaki dan perempuan secara tabie sehingga melahirkan anak tanpa diikat oleh perkahwinan atau sesuatu kaedah yang diluluskan oleh syarak.
- ii. Bapa syarie: iaitu percantuman benih lelaki dan perempuan yang diikat oleh perkahwinan atau sesuatu kaedah yang diluluskan oleh syarak.

Ulama berbeza pandangan mengenai kedudukan bapa biologi dalam konteks hukum fikah kepada pandangan berikut:

- i. Pandangan jumhur ulama: tidak boleh mem“bin/binti”kan anak tak sah taraf kepada bapa biologi. Lantaran itu tidak boleh sama sekali pewarisan dan perwalian antara mereka.
- ii. Pandangan imam Abu Hanifah, Ibn Taimiyah dan Ibn Rahawaih: Tidak boleh mem“bin/binti”kan anak tak sah taraf kepada bapa biologi kecuali sekiranya pasangan berzina tersebut berkahwin sebelum melahirkan anak. Dalam keadaan yang kedua ini boleh disabitkan perwalian dan pewarisan.
- iii. Pandangan Abd Karim Zaidan: Boleh mem“bin/binti”kan anak tak sah taraf kepada bapa biologi secara perundangan (Qadhaan), namun hakikat sebenar terserah kepada dia dan Allah.
- iv. Pandangan Hasan al-Basry dan Ibn Sirin: Boleh mem“bin/binti”kan anak tak sah taraf kepada bapa biologi walaupun pasangan berzina itu tidak berkahwin sesama sendiri dan boleh mendapatkan hak perwalian dan pewarisan dengan syarat mereka yang berzina di kenakan hukuman hudud.

Pandangan pertama:

Pandangan Jumhur ulama dari kalangan *Syafi'iyyah*, *Malikiyyah* dan *Hanabilah*. Mereka berpandangan tidak boleh mem“bin/binti”kan anak tak sah taraf kepada bapa biologi. Lantaran itu tidak boleh sama sekali pewarisan dan perwalian antara mereka. Terdapat beberapa pandangan ulama dalam hal ini. Imam al-Mawardiyy<sup>13</sup> seorang ulama mazhab Shafi'iyy berkata:

فَأَمَّا وَلْدُ الرِّبَا فَحُكْمُهُ حُكْمٌ وَلَدُ الْمُلَاعِنَةِ فِي نَفْيِهِ عَنِ الزَّانِي وَلَحْوَقَهُ بِالْأَمْ

Maksudnya, “Adapun anak zina, hukumnya sama dengan anak li'an iaitu ternafti nasabnya daripada perzina dan dia dinasabkan kepada si ibu”.

Ibn Rushd dari mazhab Maliki berkata<sup>14</sup>:

وَأَنْعَقَ الْجُمْهُورُ عَلَىَّ أَنَّ أَوْلَادَ الرِّبَا لَا يُلْحَقُونَ بِآبائِهِمْ إِلَّا فِي الْجَاهِلِيَّةِ عَلَىَّ مَا رُوِيَ عَنْ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ

Maksudnya: *Jumhur ulama bersepakat bahawa anak-anak zina tidak di nasabkan kepada ayah (biologi) mereka kecuali (perzinaan yang telah berlaku) pada zaman jahiliah seperti yang diriwayatkan oleh Umar b. Al-Khattab.*

Ibn Qudamah dari mazhab Hanbaly pula berkata setelah menghuraikan pandangan<sup>15</sup> berbeza para ulama:

<sup>13</sup> Al-Mawardi Abu Hasan Ali b. Muhammad (1999) *al-Hawiyy al-Kabir Fi Fiqh Mazhab al-Imam al-Syafi'iyy*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. Jil. 8. Hal 162.

<sup>14</sup> Ibn Rushd. Muhammad b. Ahmad b. Muhammad (2004) *Bidayat al-Mujtahid Wa Nihayat al-Muqtasid*. Cairo: Dar al-Hadith. Jil. 4. Hal. 142

وَلَنَا، قَوْلُ النَّبِيِّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ «الْوَلَدُ لِلْفَرَاشِ، وَالْعَاهِرُ الْحَجْرُ» . وَلَاَنَّهُ لَا يُلْحَقُ بِهِ إِذَا لَمْ يَسْتَلِحْ فِيهِ، فَلَمْ يُلْحَقْ بِهِ بِخَالٍ

Bermaksud: *bagi kami bersandarkan kepada sabda Rasulullah S.A.W. “anak itu sabit dengan sebab perkahwinan..” ini kerana anak itu tidak di nasabkan kepadanya (bapa biologi) jika tidak berlaku istilhaq, bahkan tidak mungkin berlaku dalam apa keadaan sekalipun.*

### Pandangan kedua

Ia adalah pandangan imam Abu Hanifah, Ibn Taimiyah dan Ishaq Ibn Rahawaih. Mereka berpandangan Tidak boleh mem“bin/binti”kan anak tak sah taraf kepada bapa biologi kecuali sekiranya pasangan berzina tersebut berkahwin sebelum melahirkan anak. Dalam keadaan yang kedua ini boleh disabitkan perwalian dan pewarisan.

Pandangan ini berhujah kepada hadis الولد للفرش (anak itu sabit melalui perkahwinan). Bagi Abu Hanifah asas sabitan nasab ialah semata-mata wujudnya perkahwinan. Ia berdasarkan kepada pemahaman umum hadis di atas. Namun bagi jumhur ulama ia melihat dengan lebih terperinci iaitu perkahwinan itu perlulah ada kaitan munasabah dengan anak tersebut seperti usia perkahwinan melebihi 6 bulan 2 lahzah qamariyyah dari tarikh bersetubuh (*dukhul*)

### Pandangan ke tiga:

Ia adalah pandangan Abdul Karim Zaidan iaitu boleh mem“bin/binti”kan anak tak sah taraf kepada bapa biologi mengikut perundangan (Qadhaan). Namun hukum hakikatnya terserah antara dia dan Allah.<sup>16</sup>

### Pandangan ke empat:

Ia adalah pandangan Hasan al-Basry, Ibn Sirin, Ibrahim al-Nakha’ie dan lain-lain. Mereka berpandangan boleh mem“bin/binti”kan anak tak sah taraf kepada bapa biologi walaupun pasangan berzina itu tidak berkahwin sesama sendiri dan boleh mendapatkan hak perwalian dan pewarisan dengan syarat mereka yang berzina di kenakan hukuman hudud. Mereka berhujah kepada hadis Rasulullah S.A.W. dalam peristiwa Juraij:

فَإِنَّ الْأَبَّ أَحَدُ الرَّأْيَيْنِ، وَهُوَ إِذَا كَانَ يُلْحَقُ بِأُمِّهِ، وَيُنْسَبُ إِلَيْهَا، وَرَثَتُهُ وَبَرِّهَا، وَيُبَيِّنُ الْسَّبْبُ بَيْنَهُ وَبَيْنَ أَفَارِبِ أُمِّهِ مَعَ كَوْنِهَا زَنَتْ بِهِ، وَقَدْ وُجِدَ الْوَلَدُ مِنْ مَاءِ الرَّأْيَيْنِ، وَقَدْ اشْتَرَكَا فِيهِ، وَاتَّفَقَا عَلَى أَنَّهُ ابْنُهُمَا، فَمَا الْمَانِعُ مِنْ حُقُوقِهِ بِالْأَبِ إِذَا لَمْ يَدْعُهُ غَيْرُهُ؟ فَهَذَا مُخْضُ الْقَيَاسِ، وَقَدْ قَالَ حَرِيقُ الْعَالَمِ الَّذِي زَنَتْ أُمُّهُ بِالرَّاعِيِّ: مَنْ أَبُوكَ يَا غُلَامُ؟ قَالَ: فُلَانُ الرَّاعِيِّ، وَهَذَا إِنْطَافٌ مِنَ اللَّهِ لَا يُمْكِنُ فِيهِ الْكَذِبُ.

Maksudnya ...*jika anak itu boleh dinasabkan kepada ibunya dan si ibu boleh mewarisi si anak dan si anak boleh mewarisi si ibu sedangkan si ibu berzina dengan lelaki itu. (Dalam masa yang sama) sudah pasti si anak terjadi jadi benih salah seorang dari dua penzina dan kedua-duanya berkongsi anak itu dan bersepakat itu adalah anak mereka berdua, jadi apakah yang menghalang anak itu dinasabkan kepada seorang penzina lelaki (sedangkan sabit nasabnya kepada penzina perempuan) jika tiada orang lain yang mengaku anaknya? Ini adalah qias.*

<sup>15</sup> Ibn Qudamah (1968) al-Mughny. T tpt: Maktabah al-Qahirah. Jil.6. hal. 344-345

<sup>16</sup> Abdul Karim Zaydan (1994) al-Mufassal Fi Ahkam al-Mar’ah wa al-Bayt al-Muslim Fi al-Syari’at al-Islamiyyah. Beirut: Muassasah al-Risalah. Jil.9, hal.384.

Juraj pernah bertanya kepada seorang bayi yang ibunya berzina dengan seorang pengembala, “siapakah ayah kamu wahai budak? Budak itu menjawab si fulan iaitu penggembala. Ini adalah pertuturan daripada Allah yang tidak mungkin berlaku pendustaan.”<sup>17</sup>

Namun begitu, pandangan ini terpakai dalam keadaan perempuan itu hamil tetapi tidak berkahwin dan tidak juga di dalam iddah. Jika berkahwin maka anak itu dinasabkan kepada suaminya tanpa ragu.

Jelasnya, ternyata wujud perbezaan pendapat yang ketara dalam kalangan ulama. Justeru, dengan wujudnya perbezaan pendapat ini, maka jelas menunjukkan bahawa isu ini adalah permasalahan *ikhtilafiyah*.

## 6. Penasaban anak luar nikah kepada bapa biologi dari sudut pandang siasah syar'iyyah

Persoalan isu yang sedang dibincangkan iaitu membin/bintikan anak tak sah taraf kepada bapa biologi adalah termasuk dalam topik siasah syar'iyyah.

Dalam isu mem“bin/binti”kan anak tak sah taraf kepada bapa biologi, penyelidik mentarjihkan pandangan mazhab kedua. Pentarjihan pandangan ini berdasarkan konklusi yang berasaskan point-point yang terdiri daripada dalil-dalil al-Quran, hadis dan siasah shar'iyyah seperti berikut:

### 6.1 Pertama

Pandangan mazhab pertama yang menyatakan tidak boleh mem“bin/binti”kan anak tak sah taraf kepada bapa biologi adalah di tolak kerana terdapat hadis yang mengharuskan sabitan nasab anak luar nikah kepada bapa biologi sekiranya pasangan tersebut berkahwin sesudah itu. Hujah dan penjelasan ini akan di kemukakan ketika penyelidik membentangkan dalil-dalil mazhab kedua nanti.

Pandangan ini juga ditolak berdasarkan dari athar sayidina Umar:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي يَزِيدَ عَنْ أَبِيهِ قَالَ: أَرْسَلَ عُمَرَ بْنَ الْخَطَّابِ إِلَى شَيْخٍ مِّنْ رُهْرَةَ كَانَ يَسْكُنُ دَارَنَا، فَدَهْبَتْ مَعَهُ إِلَى عُمَرَ - رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ -، فَسَأَلَهُ عَنْ وَلَادِ الْجَاهِلِيَّةِ، فَقَالَ: أَمَّا الْفَرَاسُ فَلِفُلَانِ، وَأَمَّا النُّطْفَةُ فَلِفُلَانِ؛ فَقَالَ عُمَرُ: صَدَقْتَ، وَلَكِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَضَى بِالْفَرَسِ

Bermaksud: Daripada Abdullah b. Abi Yazid daripada ayahnya beliau berkata: sayidina Umar al-Khattab telah memerintahkan seorang sheikh daripada Bany Zahrah yang tinggal bersama kami untuk datang menemuinya. Lalu aku pergi bersamanya kepada Umar. Umar bertanya kepada sheikh tersebut tentang nasab seorang anak dari kalangan anak-anak jahiliah. Lalu sheikh itu menjawab “jika dilihat dari sudut firasyh (ikatan yang sah sama ada perkahwinan atau pemilikan) maka ia adalah milik sipulan, sebaliknya jika dilihat dari sudut asal benih mani (hasil dari perbuatan zina) maka ia

<sup>17</sup> Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1994) Zad al-Ma'ad Fi Huda Khair al-'Ibad. Beirut: Muassasah al-Risalah. Jil 5, hal. 381-382.

*adalah milik sipulan (orang yang berbeza). Lalu Umar berkata: “kamu berkata benar. Tetapi Rasulullah (s.a.w) telah memutuskan nasab hanya kepada firasyh”.*<sup>18</sup>

Di samping itu dari sudut kemaslahatan, ia menutup ruang kemaslahatan kepada anak tersebut untuk mendapat layanan sama seperti anak kandung sedangkan ada nas yang mengharuskannya. Dalam masa yang sama dengan tidak menyabitkan nasab, bererti kita telah memilih jalan yang sukar di mana ahli keluarga tersebut terpaksa memelihara aurat sepanjang masa. Perkara ini amat sukar dan mengundang lebih banyak dosa jika tidak dipelihara dengan baik. Sabda Rasulullah SAW:

مَا خُرِّجَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَيْنَ أَمْرِيْنِ إِلَّا أَحَدَ أَيْسَرُهُمَا، مَا مَمْكُنٌ إِلَّا، فَإِنْ كَانَ إِلْمًا كَانَ أَبْعَدَ النَّاسِ مِنْهُ ( حديث صحيح رواه البخاري)

Maksudnya, “Rasulullah SAW apabila diberi pilih di antara dua perkara, nescaya Baginda akan memilih yang lebih mudah di antara keduanya selama-mana ia tidak berdosa. Sekiranya ia perkara yang berdosa Rasulullah SAW adalah orang yang paling menjauhinya” (Hadis. ).

## 6.2 Kedua

Pandangan mazhab ketiga yang menyatakan boleh mem“bin/binti”kan anak tak sah taraf kepada bapa biologi tetapi sekadar hukum dunia (Qadhaan) dan bukan hukum akhirat. Pandangan ini menyebabkan kekeliruan di mana umat Islam tidak tahu apakah hukum yang sebenar kerana ada hukum dunia dan ada hukum akhirat. Seharusnya perlu ada satu hukum dunia yang mana implikasinya melibatkan akhirat secara langsung.

Pandangan ini juga di tolak berdasarkan kepada kaedah usul al-fiqh *sadd al-dhari<sup>c</sup>ah*. Iaitu mencegah pintu-pintu yang membawa kepada fasad. Ini berlaku apabila tidak ada satu mekanisme yang jelas tuntas untuk mengenal pasti kesahihan sesuatu perkahwinan. Ia hanya bergantung kepada suci hati mereka yang terlibat. Sedangkan mereka yang terlibat sendiri berada dalam kebingungan memerlukan suatu hukum yang jelas. Ini akhirnya membawa kepada mempermudahkan hukum mengikut selera hati. Jelasnya, kesedaran terhadap hukum yang sahih sangat bergantung kepada tahap ilmu pengetahuan agama dan amanah seseorang terhadap agama dan diri sendiri. Dalam keadaan masyarakat pada hari ini yang semakin jauh dari ajaran agama dan sifat amanah semakin berkurangan pandangan ini ditakuti akan mengundang masalah baru yang lebih berat.

Dari sudut maslahah pula, dengan memberikan suatu hukum yang pasti dan jelas akan memudahkan proses perlaksanaan hukum sama ada dalam kalangan masyarakat awam atau mahkamah.

## 6.3 Ketiga

Pandangan keempat yang menyatakan Boleh mem“bin/binti”kan anak tak sah taraf kepada bapa biologi walaupun pasangan berzina itu tidak berkahwin sesama sendiri dan boleh mendapatkan hak perwalian dan pewarisan juga ditolak kerana bertentangan dengan hadis-hadis Rasulullah SAW yang kuat sandarannya. Terlalu banyak hadis yang menegaskan

<sup>18</sup> Muhammad Rawwas Qal<sup>c</sup>ah Jiy (1997) Mawsu<sup>c</sup>ah Fiqh Umar al-Khattab Asruhu Wa Hayatuh. Beirut: Dar al-Nafa’is hIn. 819

bahawa anak zina tidak sabit nasab kepada ayahnya secara umumnya. Ia hanya sabit kepada ibu sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

أَمْمًا رَجُلٌ عَاهَرٌ بِحُجَّةٍ أَوْ أُمَّةٍ فَالْوَلْدُ وَلَدُ زَنَا لَا يَرِثُ وَلَا يُورِثُ

Maksudnya, “*Mana-mana lelaki yang berzina dengan perempuan merdeka atau hamba kemudian melahirkan anak, maka anak itu adalah anak zina. Ia tidak boleh mewarisi harta bapanya dan tidak boleh diwarisi*” (Hadis. ).

Hadis ini jelas menidakkan hubungan nasab antara anak zina dengan bapanya. Di samping itu mereka juga saling tidak boleh mewarisi antara satu sama lain. Sabda Rasulullah SAW lagi:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا، قَالَتْ: كَانَ عَيْنَهُ بْنُ أَبِي وَقَاصٍ، عَهِدَ إِلَى أَخِيهِ سَعْدٍ بْنِ أَبِي وَقَاصٍ أَنَّ أَبْنَ وَلِيَدَةَ رَمْعَةَ مِيَّ فَاقْبَضَهُ، قَالَتْ: فَإِنَّمَا كَانَ عَامَ الْفُتُحِ أَخَذَهُ سَعْدٌ بْنُ أَبِي وَقَاصٍ وَقَالَ: أَبْنُ أَخِي قَدْ عَهِدَ إِلَيَّ فِيهِ، فَقَامَ عَبْدُ بْنُ رَمْعَةَ، فَقَالَ: أَخِي، وَابْنُ وَلِيَدَةَ أَبِي، وَلَدُ عَلَى فِرَاشِهِ، فَتَسَاءَلَهُ أَنَّمَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ سَعْدٌ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَبْنُ أَخِي كَانَ قَدْ عَهِدَ إِلَيَّ فِيهِ، فَقَالَ عَبْدُ بْنُ رَمْعَةَ: أَخِي، وَابْنُ وَلِيَدَةَ أَبِي، وَلَدُ عَلَى فِرَاشِهِ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «هُوَ لَكَ يَا عَبْدُ بْنَ رَمْعَةَ»، ثُمَّ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «الْوَلَدُ لِلْفِرَاشِ وَالْعَاهِرِ الْحَجَرُ» ثُمَّ قَالَ لِسُودَةَ بِنْتِ رَمْعَةَ - رَوْجِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - : «اخْتَجِي مِنْهُ» لِمَا رَأَى مِنْ شَبَهِهِ بِعُتْبَةَ قَمَا رَأَاهَا حَتَّى لَقِيَ اللَّهَ

Maksudnya, “*Dari pada ‘Aisyah RA beliau berkata “Utbah bin Abi Waqqas menegaskan kepada saudaranya Sa‘ad bin Abi Waqqas, bahawa anak hamba Zam‘ah itu adalah daripada keturunannya, maka ambillah dia. ‘Aisyah RA berkata lagi: Pada tahun pembukaan kota Mekah Sa‘ad b Abi Waq Sa‘ad bin Abi Waqqas mengambil anak tersebut dengan berkata; “saudaraku telah berpesan agar aku mengambilnya”. Lalu ditentang oleh Abdun bin Zam‘ah dengan berkata: “dia adalah saudaraku, dia adalah anak hamba sahaya ayahku. Dia dilahirkan di atas hamparan ayahku (pemilikan). Lalu mereka berdua menuju bertemu Rasulullah SAW. Sa‘ad berkata: “wahai Rasulullah SAW, sesungguhnya saudaraku telah menegaskan kepadaku bahawa anak ini adalah anaknya”. Sementara itu Abdun bin Zam‘ah ah pula berkata: “dia adalah saudaraku, anak kepada hamba sahaya ayahku, dia dilahirkan atas hamparan ayahku”. Lalu baginda SAW bersabda: budak ini milik engkau wahai Abdun bin Zam‘ah. Kemudian nabi bersabda, “Anak itu dinasabkan kepada lelaki yang mempunyai al-firash (yakni perkahwinan atau pemilikan hamba), manakala lelaki yang berzina akan mendapat al-hajar (kekecewaan, yakni tidak mendapat nasab anak itu)”. Kemudian apabila Rasulullah SAW melihat rupa budak itu amat mirip dengan Utbah bin Abi Waqqas, baginda SAW berkata kepada Umm al-Muminin Sawdah binti Zam‘ah: “hendaklah kamu berhijab dan menutup aurat daripada budak ini”. Maka sejak itu budak itu tidak melihat Saudah sehingga dia meninggal dunia” (Hadis. ).*

Hadis di atas menunjukkan bahawa, Rasulullah SAW menyabitkan nasab budak itu kepada Zam‘ah semata-mata berdasarkan kepada wujudnya firash. Walaupun begitu Rasulullah SAW memerintahkan Umm al-Muminin Sawdah binti Zam‘ah agar berhijab dengan budak tersebut kerana rupa parasnya amat mirip dengan Utbah bin Abi Waqqas. Sepatutnya Umm al-Muminin Sawdah binti Zam‘ah tidak perlu berhijab kerana antara Sawdah dan budak itu saudara sebapa. Kenyataan kedua ini menunjukkan bahawa Rasulullah

SAW mengiktiraf bukti DNA dalam perkara muamalat namun menolaknya dalam proses penentuan nasab.

Sabda baginda lagi:

عَنْ سَهْلِ بْنِ سَعْدٍ: أَنَّ رَجُلًا أَتَى رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَرَأَيْتَ رَجُلًا رَأَى مَعَ امْرَأَهُ رَجُلًا أَيْقُثُلُهُ أَمْ كَيْفَ يَعْلَمُ؟ فَأَنْزَلَ اللَّهُ فِيهِمَا مَا ذُكِرَ فِي الْقُرْآنِ مِنَ التَّلَاقِ، فَقَالَ لَهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «قَدْ قُضِيَ فِيكَ وَفِي امْرَأَتِكَ»، قَالَ: فَتَلَاقَنَا وَأَنَا شَاهِدٌ عِنْدَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَارَقَهَا فَكَانَتْ سُنَّةً أَنْ يُفَرَّقَ بَيْنَ الْمَتَلَاقِيْنِ، وَكَانَتْ حَامِلًا فَأَنْكَرَ حَمْلَهَا، وَكَانَ أَبُوهَا يُدْعَى إِلَيْهَا، ثُمَّ حَرَّتِ السُّنَّةُ فِي الْمِيزَابِ أَنْ يَرِثَهَا وَتَرِثَ مِنْهَا مَا فَرَضَ اللَّهُ لَهَا

Maksudnya, “*Daripada Sahl b. Sa‘ad, seorang lelaki telah datang kepada Rasulullah SAW dan berkata, “Wahai Rasulullah SAW, apa pendapat tuan sekiranya seorang lelaki melihat isterinya bersama seorang lelaki lain, adakah dia patut membunuhnya? Maka dengan sebab itu kamu semua akan membunuh pula lelaki yang membunuh itu atau bagaimana sepatutnya dia lakukan? Lalu Allah SWT menurunkan ayat li’an. Sabda Rasulullah SAW “sesungguhnya Allah SWT telah memutuskan hukuman berkenaan kamu dan isteri kamu”. Lalu mereka melakukan li’an dan aku ketika itu ada bersama dengan Rasulullah SAW. Lalu Rasulullah SAW memisahkan pasangan tersebut sedangkan isterinya telah hamil. Suaminya menafikan zuriat daripada kandungan isterinya. Justeru, Rasulullah SAW menetapkan bahawa anaknya dinasabkan kepada ibu, dia mewarisi harta ibunya dan ibunya mewarisi hartanya. Demikianlah apa yang telah Allah SWT fardukan kepada ibunya”* (Hadis. ).

Hadir ini menunjukkan bahawa anak li’an tidak boleh dinasabkan kepada bapanya. Dia hanya dinasabkan kepada ibu. Dia mewarisi harta ibu dan ibunya akan mewarisi hartanya. Dalam persoalan anak zina ulama berpendapat kedudukan mereka adalah sama seperti anak li’an.<sup>19</sup>

Berdasarkan kepada hadis-hadis di atas dan pandangan para ulama, maka penyelidik berpendapat pandangan mazhab ini tidak kukuh. Memang tidak di nafikan bahawa terdapat sebahagian ulama yang menyokong mazhab ini seperti Hasan al-Basry, Ibn Sirin, Ishaq bin Rahawayh, Ibrahim al-Nakha<sup>c</sup>iyy Ibn Taimiyah dan Ibn al-Qayyim. Namun begitu sepanjang pembacaan dan penyelidikan yang dijalankan, penyelidik tidak bertemu dengan dalil-dalil yang dapat menyokong pandangan ini. Pandangan-pandangan golongan ulama ini banyak dinukilkan oleh ulama terdahulu dan sekarang disebut sebarang dalil.

Walaupun begitu, penyelidik bersetuju dengan hujah-hujah mereka bahawa sabitan nasab boleh dikenal pasti dengan menggunakan proses DNA. Namun ia bukan dalam konteks hukum kekeluargaan, ia hanya boleh digunakan dalam konteks jenayah. Penyelidik berhujah bahawa hukum kekeluargaan walaupun bukan hukum ibadah khususiyah tetapi Allah SWT telah menetapkannya secara tafsil dan terperinci serta tiada ruang untuk manusia memilih jalan sendiri dalam menetapkan hukum melainkan berdasarkan nas.

Kaedah usul menyebut:

الأصل في العبادات والمقدرات التعبد والأصل في المعاملات الحكم والمعانى

<sup>19</sup> Al-Mawardi (1999) al-Hawiyy al-Kabir...

Maksudnya, “Kaerah yang dipegang dalam bab ibadat dan perkara-perkara yang ditentukan kadarnya adalah perkara *ta’abbudiyy* (tidak mengikut logik manusia). Manakala kaerah yang dipegang dalam bab muamalat adalah mengikut *hikmah* dan *maknawi*”.

Begitu juga kaerah fiqhiyyah juga menyebut:

الأصل في الأبعاد الحرمية

Maksudnya, “Kaerah asal tentang kemaluan ialah adalah haram (sehingga berkahwin)”.

Ia memberi pengertian bahawa persoalan kekeluargaan perlu bersandarkan kepada nas, tidak semata-mata kepada qiyas.

#### 6.4 Keempat

Penyelidik mentarjihkan pandangan mazhab kedua iaitu pasangan yang berzina kemudian berkahwin lalu melahirkan anak, dibolehkan menasabkan anak itu kepada si ayah. Pentarjihan penyelidik terhadap pandangan ini bersandarkan kepada dalil daripada al-Quran, hadis, maqasid al-syariah, masalah al-mursalah, dan sadd al-dhari<sup>c</sup>ah.

##### a. Dalil al-Quran

Allah SWT berfirman:

وَالْوَالِدَاتُ يُرْضِعْنَ أُولَادَهُنَّ حَوْلَيْنِ كَامِلَيْنِ لِمَنْ أَرَادَ أَنْ يُتَمَّ الرَّضَاعَةُ وَعَلَى الْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ

Maksudnya, “Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak mereka selama dua tahun genap, iaitu bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuan itu. Dan kewajipan orang yang dilahirkan kepadanya anak (bapa) pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu menurut cara yang sepatutnya” (al-Quran. Al-Baqarah: 233).

Berdasarkan kepada ayat ini Sheikh Umar Muhammad Sabil<sup>20</sup> menyatakan bahawa sabitan nasab seorang anak kepada ibu disebut oleh Allah SWT secara langsung iaitu “*wa al-walidat*” (ibu-ibu hendaklah menyusukan anaknya). Hikmahnya ialah sabitan anak kepada ibu wujud secara *qat’iyy* kerana ibu mengandung dan melahirkan anak tersebut. Sebaliknya apabila menyebut sabitan nasab anak terhadap ayah, Allah SWT hanya menyatakan secara lafadz tidak langsung iaitu dengan lafadz “*wa ‘ala al-Mawlid lahu*” (dan ke atas orang yang dilahirkan kepadanya anak (bapa).

Hikmahnya ialah untuk menunjukkan bahawa sabitan anak kepada ayah tidak sekukuh sabitannya terhadap ibu. Sabitan terhadap ayah diperkuuhkan sekiranya wujud *al-firash* iaitu perkahwinan sesuai dengan sabda Rasulullah SAW “*al-walad li al-firash*” yang bermaksud anak itu sabit kerana wujud perkahwinan. Dalam keadaan wujud *al-firasy* kita tidak dituntut menyelidiki adakah dia bapa sebenar atau tidak (<sup>c</sup>Umar Muhammad Sabil. 2002: 62).

<sup>20</sup> Beliau ialah imam dan khatib Masjid al-Haram serta pensyarah Fakulti Syariah Universiti Umm al-Qura.

Berdasarkan kepada pandangan ini hubungan nasab anak kepada ayah akan sabit hanya melalui perkahwinan. Tanpa perkahwinan tidak wujud hubungan nasab tersebut.

Dalam satu ayat yang lain Allah SWT berfirman:

اَذْعُوْهُمْ لِأَبَائِهِمْ هُوَ اَقْسَطُ عِنْدَ اللَّهِ فَإِنْ لَمْ تَعْلَمُوا أَبَاءَهُمْ فَإِخْرُوْنَكُمْ فِي الدِّيْنِ وَمَوَالِيْكُمْ

Maksudnya, “*Panggillah mereka (anak-anak angkat itu) dengan (memakai) nama bapa-bapa mereka; itulah yang lebih adil pada sisi Allah, dan jika kamu tidak mengetahui bapa-bapa mereka, maka (panggillah mereka sebagai) saudara-saudaramu seagama dan maula-maulamu*” (al-Quran. Al-Ahzab: 5).

Berdasarkan ayat ini Allah SWT memerintahkan agar anak di nasabkan kepada ayahnya yang hakiki. Persoalannya siapakah bapa hakiki itu? Merujuk kepada sebab turun ayat ini ialah berkenaan Zayd bin Harithah yang telah dibinkan kepada Nabi Muhammad SAW mengikut sistem “tabanniyy” pada zaman jahiliyyah. Pada satu ketika Allah SWT telah memerintahkan Nabi SAW berkahwin dengan Zaynab binti Jahsh bekas isteri Zayd. Lalu orang Yahudi dan Musyrikin berkata Muhammad telah berkahwin dengan anaknya sedangkan dia melarang orang lain berbuat demikian. Maka Allah SWT turunkan ayat ini menafikan nasab Zaid kepada Muhammad SAW.

Berdasarkan kefahaman kepada maksud dan sebab turun ayat di atas, kita memahami bahawa pengertian bapa disini ialah bapa Syarie, bukan bapa biologi. Ini kerana ayat ini turun untuk menyanggah prinsip “tabanniyy” iaitu mem“bin/ti”kan anak angkat kepada bapa angkatnya, berbeza dengan kes anak zina dengan bapa biologi ia sabitan nasab berlaku secara “istilhaq”. Jikapun dikatakan perkataan bapa disini umum merangkumi bapa Syarie dan bapa biologi, namun ia dikhususkan dengan hadis Rasulullah SAW yang menafikan hubungan nasab anak zina kepada ayahnya sebagaimana yang telah disebutkan sebelum ini.

## b. Dalil Hadis

Hujah seterusnya berdasarkan sabda Rasulullah SAW, iaitu:

مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلَا يَسْقِي مَاءَهُ وَلَدَ غَيْرِهِ

Maksudnya, “*Sesiapa yang beriman kepada Allah SWT dan hari akhirat maka janganlah dia menyetubuhi perempuan yang sedang mengandung bukan anaknya*”.

Berdasarkan kepada hadis di atas Rasulullah SAW melarang menyetubuhi wanita yang sedang hamil sehingga dia selesai melahirkan anak. Menurut sheikh Atiyyah al-Saqar larangan tersebut adalah khusus kepada lelaki yang menyetubuhi wanita yang sedang hamil bukan daripada benih maninya. Sebaliknya jika wanita tersebut hamil daripada benih mani lelaki itu sendiri seperti mereka berzina, kemudian berkahwin maka ia tidak termasuk dalam larangan hadis tersebut<sup>21</sup>

<sup>21</sup> <sup>c</sup> Athiyyah Saqar (t.t) Min Ahsan al-Kalam Fi al-Fatawa Wa al-Ahkam. Cairo: Maktabah al-Tawfiqiyah. Jil. 2 hlm 156.

Keadaan di atas juga sesuai dengan sabda Rasulullah SAW “*al-walad li al-firash*” yang bermaksud nasab keturunan sabit dengan sebab wujud perkahwinan. Dengan kata lain berzina kemudian berkahwin boleh menjadi sebab kepada sabitan nasab.

Dalam persoalan ini ulama berbeza pandangan mengenai tempoh perkahwinan tersebut. Menurut imam al-Haramayn tempoh perkahwinan tersebut mestilah sekurang-kurangnya lebih daripada 6 bulan kerana itu adalah sekurang-kurang tempoh mengandung. Tidak kira sama ada mereka tinggal bersama atau berjauhan asalkan ada kemungkinan mereka boleh berjumpa. Imam Abu Hanifah pula berpendapat boleh disabitkan nasab apabila umur perkahwinan melebihi 6 bulan sekalipun pasangan tersebut tidak mungkin bertemu seperti seorang duduk di timur dan seorang lagi duduk di barat.<sup>22</sup> Namun begitu menurut Mustafa Daib al-Bugha, tiada tempoh tertentu disyaratkan. Asalkan ada *firash* sebelum anak itu dilahirkan sudah memadai untuk sabitan nasab. Dalam mensyarahkan maksud الولد للفراش beliau berkata:

أي الولد تابع لصاحب الفراش وهو من كانت المرأة الموطئة له حين الولادة

Maksudnya, iaitu anak dinasabkan kepada mereka yang mempunyai hubungan perkahwinan. Iaitu mereka yang memiliki perempuan yang disetubuh ketika kelahiran bayi.

Dalam konteks ini penyelidik mentarjihkan pandangan Sheikh Mustafa Dib al-Bugha kerana Islam tidak *tasyaddud* dalam proses mensabitkan nasab, sebaliknya sangat *tasyaddud* dalam proses menafikan nasab. Jika dilihat kepada pandangan ulama terdapat lima kaedah sabitan nasab iaitu *firasyh*, *ikrar*, *bayyinah* (syahadah), *qiafah* dan *qur'ah*. Sekalipun *qiafah* dan *qur'ah* merupakan dalil yang lemah namun *qiafah* boleh digunakan ketika ketiadaan tiga dalil yang awal sementara *qur'ah* pula digunakan jika semua kaedah sabitan terdahulu tiada. Rumusan yang boleh dibuat dari hukum ini ialah lebih baik menasabkan anak kepada seseorang walaupun menggunakan dalil yang lemah berbanding meninggalkan anak tanpa nasab.

Bagi pasangan yang berzina kemudian berkahwin dengan bukan orang yang dizinainya (termasuk dalam kategori ini ialah ‘pak sanggup’), anak tersebut tidak boleh dinasabkan kepada bapa yang mengahwininya. Hukum ini berdasarkan kepada hadis di atas (فَلَا يَسْتَقِي مَاءَةُ وَلَدٍ غَيْرِهِ) dan juga hadis nabi:

..وَانْ كَانَ مِنْ أُمَّةً لَا يَلْكُحُهَا أَوْ حَرَةٌ عَاهِرَهَا إِنَّهُ لَا يَلْحِقُ وَلَا يَرْثُ وَانْ كَانَ الَّذِي يَدْعُى لَهُ هُوَ ادْعَاهُ وَهُوَ وَلَدٌ زَنَّا لِأَهْلٍ

٢٣ أَمْهُ مِنْ كَانُوا حَرَةً أَوْ أُمَّةً

Maksudnya, dan sekiranya ia berzina dengan hamba yang tidak dimilikinya atau sebarang perempuan merdeka yang tidak halal baginya tidak sabit nasab dan tidak sabit pewarisan. Sekalipun anak itu mendakwa itu bapanya dan bapanya juga mendakwa itu anaknya. Dia adalah anak zina, sabitan nasabnya adalah kepada ibunya tidak kira sama ada perempuan yang dizinai itu merdeka atau hamba.

<sup>22</sup> Imam al-Haramayn. Abdul Malik b. Abdulllah b. Yusuf b. Muhammad al-Juwainy. (2007) Nihayat al-Matlab Fi Dirasat al-Mazhab. Tahqiq Prof. Dr. Abdul Azim Mahmud Daib. Dar al-Minhaj.

<sup>23</sup> Al-Daarimy. Abdullah b Abdul Rahman (1407H) Sunan al-Daarimy Beirut: Dar al-Kitab al-Araby

Demikian juga bagi pasangan yang berzina, setelah melahirkan anak mereka berkahwin. Anak ini juga tidak boleh dinasabkan kepada suami tersebut kerana tidak wujud *firasyh* dalam tempoh kehamilan ( ). الولد للفرش ( ).

Imam Abu Hanifah turut berpendapat:

عَنْ أَبِي حِيَةَ، أَنَّهُ قَالَ: لَا أَرَى بُنْسًا إِذَا زِيَّ الرَّجُلُ بِالْمَرْأَةِ فَحَمَلَتْ مِنْهُ، أَنْ يَتَنَزَّهُ عَنْهَا مَعَ حَلْمَهَا، وَيَقْسِنُ عَيْنِهَا، وَالْوَلْدُ وَلَدُ لَهُ وَاجْعَوْا عَلَى أَنَّهُ إِذَا وُلِدَ عَلَى فِرَاشِ رَجُلٍ، فَادْعَاهُ أَخْرُ. أَنَّهُ لَا يَلْحُقُهُ، وَإِنَّمَا الْخِلَافُ فِيمَا إِذَا وُلِدَ عَلَى غَيْرِ فِرَاشٍ  
<sup>٢٤</sup>

Maksudnya, “Dari pada Abu Hanifah beliau berkata: aku tidak melihat satu kesalahan apabila seorang lelaki berzina dengan seorang perempuan lalu hamil kemudian ia mengahwininya dan menyembunyikan peristiwa itu lalu melahirkan anak, maka anak itu adalah anaknya. Ulama juga bersepakat apabila seorang anak lahir dalam usia perkahwinan seorang lelaki lain dan ia mengaku bahawa anak itu anaknya maka tidak sabit pengakuannya. Yang menjadi pertikaian di sini ialah apabila anak tersebut lahir tanpa *firasyh* (anak zina)”.

### c. Maqasid Al-Shari'ah

Dengan mensabitkan nasab keturunan bagi pasangan berzina kemudian yang berkahwin, ia sebenarnya sesuai dengan prinsip مبدأ الستر dalam kesalahan zina. Dalam Islam jenayah zina amat keji, tetapi lebih keji dari itu ialah menghebahkan kesalahan tersebut kepada orang ramai. Justeru itu sayidina Abu Bakar dan sayidina Umar apabila didatangi oleh seorang yang telah mengaku berzina baginda berdua berkata:

هَلْ دَكَرْتَ ذَلِكَ لَأْخِدِ عَيْرِي؟ قَالَ: لَا فَقَالَ لَهُ أَبُو بَكْرٍ: ثُبُّ إِلَى اللَّهِ، فَاسْتَرِّ بِسِرِّ اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ يَقْبِلُ التَّوْبَةَ عَنِ عِبَادِهِ<sup>٢٥</sup>

Maksudnya, Adakah engkau sebut perkara ini kepada seseorang selain aku? Jawab lelaki itu tidak. Maka kata Abu Bakr. Bertaubatlah kepada Allah SWT dan bersembunyilah dengan tutupan Allah SWT. sesungguhnya Allah SWT amat menerima taubat hambanya.

Dalam hadis di atas sayidina Abu Bakr menyebut بِسِرِّ اللَّهِ iaitu dengan tutupan Allah SWT. Ini memberi justifikasi bahawa مبدأ الستر dalam jenayah zina adalah bersumber dari syariat Islam. Berkahwin sesudah berzina adalah bersesuaian dengan مبدأ الستر yang dibincangkan.

### d. Maslahah

Kemaslahatan ini dapat dilihat dari berbagai aspek. Pertama dilihat dari aspek anak tersebut. Kedua dari aspek kedua ibu bapa dan ketiga dari aspek masyarakat.

<sup>24</sup> Ibn Qudamah (1968) al-Mughny. Cairo: maktabah al-Qahirah. Jil.6, hlm 345

<sup>25</sup> Al-Nasa'I (2001) Sunan al-Kubra. Beirut: Muassasah al-Risalah. Jil. 6. Hlm 423.

Dari aspek anak, jelas ia menjamin masa depan yang lebih baik bagi anak itu dari sudut maruah, psikologi, emosi, perkembangan mental, fizikal, kesihatan dan lain-lain. Ini kerana setiap aspek berkait dengan bahagian yang lain. Jika maruahnya tercalar, psikologinya rosak, emosinya terganggu, perkembangan mental terencat, fizikalnya tidak sihat dan sebagainya. Apa yang lebih penting, apabila ia mengetahui bahawa ia adalah anak zina maka sukar baginya untuk menjadi seorang anak yang baik.

Dari aspek kedua ibu bapa pula, jika anak tersebut disabitkan nasab, maka seolah-olah fail keterlanjuran lama telah ditutup. Kenangan pahit mudah dilupakan, Proses taubat dan penyucian diri lebih mudah dalam membina kehidupan baru. Berbeza sekiranya anak tersebut tidak disabitkan nasab. Setiap hari dia akan melihat kesalahan lamanya. Walaupun disusuli dengan seribu kekesalan namun kesalahan lama masih menghantui setiap hari seolah-olah taubatnya tidak diterima. Akhirnya dia takut ia akan tewas. Dari sudut lain sabitan nasab akan memudahkan interaksi ahli keluarga di dalam rumah dimana batas pergaulan mereka adalah batas pergaulan saudara mahram.

Dari aspek masyarakat pula lebih besar dimana kesalahan zina dapat dibendung. Statistik zina mungkin berkurang. Berkurang bilangan anak zina dalam masyarakat. Dapat menggalakkan perkahwinan dan mengurangkan perzinaan kerana masyarakat akan berfikir, daripada berkahwin selepas berzina lebih baik berkahwin sebelum berzina dan sebagainya.

#### e. *Sadd al-Zara'i<sup>c</sup>*

*Sadd al-Zara'i<sup>c</sup>* di sini bermaksud menutup pintu-pintu maksiat yang boleh membawa kepada dosa. Dengan memilih mazhab yang kedua, ia dapat mengelak diri dari banyak perbuatan maksiat. Pertama dari sudut aurat dan pergaulan di dalam rumah. Keadaan ini tidak sukar untuk difahami. Kedua, ia juga dapat mengelak dari pembohongan kedua ibu bapa terhadap anak zinanya.

Lazimnya ibu bapa yang kurang kesedaran dan pengetahuan agama akan berbohong tentang asal usul anak zinanya itu. Ini kerana, isu ini bukan sekadar memalukan anak tersebut bahkan juga memalukan kedua ibu bapanya sendiri. Rentetan dari pembohongan ini akan lahir banyak lagi maksiat-maksiat yang lain. Paling dia takut sekiranya ibu bapa ini mewalikan perkahwinan anak zina mereka. Dengan menerima pandangan mazhab kedua ini isu-isu di atas akan selesai dengan mudah.

Kesimpulannya, Dengan mengambil pandangan kedua iaitu pandangan imam Abu Hanifah dan yang sependapat dengannya dapat memberi lebih kemaslahatan kepada anak tersebut. Manakala ayah dan ibunya yang berzina perlulah segera bertaubat dan boleh dihukum mengikut peruntukan undang-undang.